

Kolej TAR tidak sekat kemasukan Bumiputera: Ling

BH - 9 JUN 2002

Oleh WAN HAZMIR BAKAR

KLJALA LUMPUR: Kolej Tunku Abdul Rahman (Kolej TAR) tidak akan mengehadkan atau menyekat jumlah kemasukan pelajar Bumiputera berdasarkan kuota tertentu, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Beliau yang juga Pengerusi Majlis Kolej TAR berkata, institut itu sebaliknya akan cuba menerima seramai mungkin pelajar Bumiputera asalkan mereka mengemukakan permohonan.

Tambahan pula, katanya, keadaan di IPTS pada masa ini tidak memerlukan dasar kuota diwujudkan dan hakikat ini diperakui sendiri Kementerian Pendidikan.

"Jika ada pelajar Bumiputera yang nak datang kita terima. tak kira berapa. Kami tidak akan mengehadkan jumlahnya kepada 10 atau 5 atau 15 peratus, tidak akan ada kuota," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Konvokesyen Universiti Campbell di Kolej TAR, di sini semalam.

Konvokesyen itu adalah untuk 1,093

pelajar program berkembar di antara Kolej TAR dan Campbell Universiti dari Amerika Syarikat. Hadir sama ialah Presiden Campbell University, Dr Norman Wiggins.

Dr Ling berkata demikian sebagai mengulas saranan pelbagai pihak termasuk Pergerakan Pemuda Umno Malaysia supaya institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) memperuntukkan kuota 10 peratus untuk pelajar Bumiputera supaya jurang perbezaan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera di IPTS dikurangkan.

Cadangan itu dibuat bagi mengimbangi keadaan berikutan pelaksanaan dasar terbuka kerajaan memperuntukkan kuota 10 peratus kepada pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). Jumlah keseluruhan pelajar Bumiputera di IPTS sekarang kurang daripada lima peratus.

Dr Ling yang juga Presiden MCA berkata, Kolej TAR terbuka kepada semua kaum, bukan terhad kaum Cina saja dan pihaknya sudah berusaha menarik masuk pelajar Bumiputera.

Katanya, masalahnya tidak ramai pelajar Bumiputera yang memohon

untuk memasuki kolej itu dan pihak Kolej TAR terpaksa mengadakan program pertukaran pelajar dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) untuk mendapatkan pelajar Bumiputera.

"Seperti mana yang saya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah jelaskan beberapa kali, kolej ini dibuka kepada semua kaum. Bagi kemasukan pelajar Bumiputera, 30, 40, 50 peratus pun boleh, asalkan ada permohonan kami akan cuba menerimanya," katanya.

Ditanya mengapa keadaan itu berlaku, Dr Ling berkata ini kerana sebahagian besar pelajar Bumiputera mengikuti program serta peluang melanjutkan pelajaran yang disediakan kerajaan.

Katanya, pelajar Bumiputera paling cemerlang biasanya dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negara, diikuti kumpulan cemerlang di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan kumpulan seterusnya di UiTM.

"Untuk Kolej TAR, tak ada lagi pelajar Bumiputera. Ini menunjukkan kerajaan bersungguh-sungguh menyediakan kemudahan untuk pelajar Bumiputera," katanya.

NGO diminta tidak emosional

BH - 9 JUN 2002

IPOH: Pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diminta tidak terlalu emosional dalam isu kuota 10 peratus pelajar bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang diluluskan Kabinet baru-baru ini.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Nazri Tan Sri Aziz, berkata kementerian sedia mendengar pandangan semua pihak tetapi meminta tidak emosional ketika berbuat demikian.

"Keputusan kerajaan rasional dan memberi banyak kebaikan kepada pelajar Bumiputera MRSM. Mereka sudah pasti berdaya saing dan mampu bertutur dalam bahasa Inggeris apabila ada pelajar bukan Bumiputera di sekeliling mereka," katanya pada majlis penutup Hari Guru Mara, di sini semalam.

Baru-baru ini Kabinet meluluskan cadangan supaya MRSM menetapkan kuota 10 peratus pengambilan pelajar bukan Bumi-

putera ke maktab berkenaan. Mohd Nazri berkata, Mara mengakui ramai pelajarnya mencaapai kecemerlangan dalam akademik tetapi perlu memperbaiki beberapa aspek lain.

"Mana-mana kaum tidak akan berjaya cemerlang jika hubungan terbatas dalam kelompoknya saja. Kebelakangan ini ramai lepasan siswazah Bumiputera gagal mendapatkan pekerjaan di sektor swasta kerana tidak fasih bahasa Inggeris," katanya.

Mohd Nazri juga berkata, ia selaras matlamat kerajaan mengeluarkan siswazah Bumiputera yang menepati kehendak pasaran pekerjaan bagi menyelesaikan masalah pengangguran.

Beliau berkata, kerajaan tidak akan mengurangkan jumlah pengambilan pelajar Bumiputera di MRSM, sebaliknya bilangannya akan bertambah apabila 15 lagi MRSM siap dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).